

## **Peranan Kerajaan dan Jumlah Populasi Terhadap Pertumbuhan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)**

Mohd Hazrin Bin Hakimi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
E-mel: [navyseal\\_arejean@yahoo.com.my](mailto:navyseal_arejean@yahoo.com.my)

### **ABSTRAK**

Pertumbuhan dan pembangunan sesebuah wilayah bergantung kepada banyak faktor. Dan faktor-faktor ini juga ada diantaranya berhubungkait antara satu sama lain. Antara faktor-faktor yang selalu dikaitkan dengan prestasi ekonomi bagi sesebuah wilayah adalah seperti geografi, demografi, produktiviti, pengkhususan, modal manusia dan fizikal, infrastruktur dan kemampuan untuk inovasi. Selain itu, KDNK per kapita juga mencerminkan tahap pertumbuhan bagi sesebuah wilayah. Dari segi pertumbuhan KDNK sesebuah wilayah pula, terdapat enam komponen utama terhadap pertumbuhan KDNK bagi sesebuah wilayah yang berhubungkait antara satu sama lain. Di dalam kajian ini akan melihat dua komponen sahaja yang mempengaruhi pertumbuhan sesebuah wilayah. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji faktor peranan kerajaan dan jumlah populasi yang menentukan pertumbuhan KDNK di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Kajian ini dilakukan dengan menggunakan analisis shift-share untuk melihat hubungkait antara faktor-faktor dalam mempengaruhi pertumbuhan KDNK per kapita bagi wilayah ECER. Hasil kajian ini dijangkakan kedua-dua faktor yang dikaji iaitu peranan kerajaan dan jumlah populasi memberikan kesan yang signifikan terhadap pertumbuhan KDNK per kapita bagi wilayah ECER dan juga faktor-faktor ini berhubungkait antara satu sama lain.

Kata kunci: Pertumbuhan Wilayah, Pembangunan Wilayah, KDNK perkapita, Peranan Kerajaan, Jumlah Populasi, shift-share.

### **ABSTRACT**

*Growth and development of a region depends on many factors. And these factors are also in some cases associated with each other. Among the factors often associated with the economic performance of a region is like geography, demographics, productivity, specialization, physical and human capital, infrastructure and capacity for innovation. Moreover, GDP per capita also reflects the growth of a territory. In terms of GDP growth of a region, there are six major components of GDP growth for a region associated with each other. In this study will look at only two components that affect the growth of a territory. The main objective of this study is to examine the role of government and the factors that determine the total population growth in GDP in the East Coast Economic Region (ECER). This study was done using the shift-share analysis to observe the relationship between the factors influencing the growth of GDP per capita for the ECER. The study estimated the two factors are the role of government and the population have significant impacts on the growth of GDP per capita for the ECER and these factors are also associated with each other.*

*Keywords: Regional Growth, Regional Development, GDP per capita, Role of Government, Total Population, shift-share.*

### **PENGENALAN**

Pertumbuhan wilayah merupakan suatu elemen yang penting bagi pertumbuhan sesebuah negara. Persoalannya, apakah faktor penentu kepada pertumbuhan wilayah? Apakah faktor yang membezakan antara satu wilayah dengan satu wilayah yang lain? Persoalan-persoalan ini telah lama di kaji oleh pengkaji-pengkaji ekonomi. Namun sukar untuk menetapkan teori yang tepat mengenai isu pertumbuhan wilayah ini. Ini adalah kerana, pelbagai faktor yang mempengaruhi pertumbuhan wilayah sama ada faktor ekonomi mahupun sosiopolitik. Kebanyakan kajian yang lepas menyatakan faktor dalaman dan luaran merupakan faktor yang mempengaruhi kepada pertumbuhan wilayah. Disebabkan

banyak faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan wilayah, maka wujud masalah yang paling utama iaitu ketidakseimbangan wilayah. Setiap wilayah mempunyai sumber yang berlainan yang membawa kepada pertumbuhan setiap wilayah tersebut. Di dalam sesebuah negara, isu ketidakseimbangan wilayah ini merupakan isu yang paling diutamakan dan merupakan cabaran utama bagi sesebuah negara tersebut. Ketidakseimbangan pembangunan wilayah merupakan satu fenomena yang telah lama wujud kesan daripada jurang yang timbul dalam sesebuah wilayah sama ada wilayah maju atau wilayah kurang maju. Ketidakseimbangan pembangunan wilayah ini berlaku ekoran daripada daya saing yang ada di wilayah kurang maju yang tidak dapat menyaingi daya saing yang ada di wilayah maju. Dalam masa yang sama juga beberapa faktor pemangkin kepadatan timbulnya keadaan ini telah dilihat sebagai pengaruh utama antaranya adalah faktor fizikal (saiz penduduk, aksesibiliti sekolah dan hospital), faktor sosioekonomi (tingkat tenaga buruh, gajin tenaga, kadar pengangguran dan jumlah kemasukan pelaburan) dan faktor sosiobudaya (kadar migrasi, jumlah kelahiran dan kematian). Faktor-faktor ini telah dilihat sebagai elemen-elemen yang mempengaruhi keadaan ketidakseimbangan dalam pembangunan sesebuah wilayah. Menurut kajian Speziadan Weiler (2007) terdapat enam komponen penting yang akan mempengaruhi dan meningkatkan lagi pertumbuhan KDNK sesebuah wilayah. Antara enam komponen yang dimaksudkan ialah faktor Negara (kerajaan), faktor populasi, produktiviti buruh, kadar pekerjaan, kadar penyertaan dan kadar umur aktiviti. Hasil kajian yang di buat menunjukkan setiap komponen memberikan keputusan yang berbeza-beza mengikut wilayah dan ada komponen yang saling berkaitan dan ada yang tidak berhubungan langsung. Di dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada dua faktor sahaja iaitu faktor negara (peranan kerajaan) dan faktor populasi dalam mempengaruhi tingkat pertumbuhan di wilayah timur ECER. Adakah kedua-dua faktor ini merupakan faktor terpenting dalam menentukan tingkat pertumbuhan wilayah ECER? Apakah faktor-faktor lain yang mempengaruhi kedua-dua faktor yang dikaji? Persoalan-persoalan ini merupakan objektif kepada kajian ini. Di dalam kajian ini mengambil set jangka masa 30 tahun dari tahun 1981-2010 untuk melihat sejauh mana faktor yang di kaji mempengaruhi pertumbuhan wilayah ECER. Data dikumpul melalui sumber daripada laman sesawang Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perangkaan dan beberapa laman sesawang yang berkaitan.

## KAJIAN LEPAS

Kebanyakan kajian lepas mendapati faktor modal dan perbelanjaan kerajaan memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, walaupun ada beberapa kajian lain yang menunjukkan berlakusebaliknya. Kajian oleh Kormendian dan Meguire (1985) menunjukkan wujud hubungan positif antara saiz kerajaan (perbelanjaan kerajaan) dan pertumbuhan ekonomi. Menurut mereka pertambahan dalam saiz kerajaan menawarkan fungsi jaminan kepada hak swasta, dan perbelanjaan awam menggalakkan pelaburan swasta yang menyebabkan pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan kerajaan menyediakan pelaburan untuk barang awam yang boleh meningkatkan persekitaran pelaburan. Loizides dan Vamvoukas (2005) menggunakan analisis kointegrasi, model pembedulan ralat (ECM) dan ujian sebab-penyebab Granger (Granger causality) untuk mengkaji hubungan antara saiz perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan KNK per kapita negara Greek, UK dan Ireland. Hasil kajian menunjukkan perbelanjaan awam bagi ketiga-tiga negara adalah penyebab Granger terhadap pertumbuhan ekonomi dalam jangka pendek dan jangka panjang. Tulsidharan (2006) menggunakan ujian kointegrasi dan model pembedulan ralat (ECM) untuk mengkaji hubungan sebab-penyebab antara perbelanjaan penggunaan kerajaan dan Keluaran Negara Kasar. Hasil utama kajian beliau mendapati pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi mendorong kepada peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan kerajaan. Ghali (1998) pula mengkaji interaksi antara saiz kerajaan dan pertumbuhan ekonomi menggunakan data bagi 10 negara OECD. Hasil kajian mendapati perbelanjaan kerajaan menjadi penyebab Granger kepada pertumbuhan ekonomi di semua negara tersebut.

Selain itu, Barro (1990) dan Ashauer (1989) telah mendapati campuran perbelanjaan produktif dan tidak produktif dapat memperbaiki pertumbuhan ekonomi. Kajian mengikut sektor oleh Devarajan, et al. (1996) pula menunjukkan perbelanjaan kerajaan terhadap kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan komunikasi mempunyai kesan negatif terhadap pertumbuhan output negara disebabkan mereka menggunakan nisbah komponen perbelanjaan per keluaran negara. Di peringkat kerajaan negeri dan tempatan pula, nisbah perbelanjaan awam ke atas pertahanan adalah rendah (yang mana ia merupakan tanggungjawab kerajaan persekutuan) dan perbelanjaan awam ke atas pendidikan pula adalah tinggi.

Kerajaan negeri dan tempatan juga dilihat lebih berbelanja ke atas perbelanjaan modal. Namun, mereka juga merumuskan bahawa kebanyakan negara membangun telah salah

memperuntukkan perbelanjaan tinggi ke atas perbelanjaan modal, sedangkan kebanyakan negara maju melakukan strategi yang berlawanan. Ini kerana terdapat juga belanja semasa yang memberikan pulangan yang tinggi (seperti belanja operasi dan pembaikan) berbanding belanja modal. Lantas, ini menunjukkan bahawa perbelanjaan yang produktif akan menjadi tidak produktif sekiranya jumlah yang berlebihan diperuntukkan terhadap perbelanjaan produktif tersebut. Selanjutnya, kajian oleh Luiz (2002) terhadap kerajaan tempatan mendapati jumlah perbelanjaan kerajaan tempatan dipengaruhi oleh saiz sesebuah kerajaan tempatan tersebut secara positif (berdasarkan saiz populasi yang merupakan proksi permintaan untuk barangan awam).

Mankiw et. Al (1992) menyatakan walaupun kajian oleh Solow mampu mengenal pasti penentu kepada tingkat steady-state terhadap pendapatan per kapita adalah kadar simpanan dan pertumbuhan populasi, namun, magnitud bagi pemboleh ubah ini gagal di kenal pasti. Terdapat dua andaian pengkaji ini sebagai penambah baik kepada Teori Pertumbuhan Solow (1956). Pertama pada pelbagai tahap pengumpulan modal manusia, kadar simpanan yang tinggi atau pertumbuhan populasi yang rendah membawa kepada tingkat pendapatan yang tinggi seterusnya pendapatan tinggi yang diperolehi ini boleh di labur kepada pembangunan pengumpulan modal manusia. Oleh itu, pengumpulan modal fizikal dan pertumbuhan populasi memberi impak besar terhadap tingkat pendapatan apabila mengambil kira pengumpulan modal manusia. Kedua, pengumpulan modal manusia adalah berkorelasi dengan kadar simpanan serta pertumbuhan populasi. Oleh itu, pemboleh ubah pengumpulan modal manusia menjadikan koefisien bagi simpanan dan pertumbuhan populasi adalah bias. Hasil kajian mendapati Teori Pertumbuhan Solow (1956) yang ditambah baik dengan terdapatnya elemen pengumpulan modal manusia, modal fizikal, pertumbuhan populasi, simpanan, dan tahap pendidikan mampu memberikan penerangan yang cukup jelas bagi setiap keadaan ekonomi negara yang berbeza-beza. Kadar penumpuan yang diperolehi daripada kajian ini adalah sama dengan anggaran Solow (1956) dengan syarat pertumbuhan populasi dan pengumpulan modal di setiap Negara adalah konstan. Becker (1964) berpendapat bahawa peningkatan dalam modal manusia menyebabkan kadar kesuburan mengalami penurunan. Kadar kesuburan yang rendah pula akan mengurangkan populasi seterusnya meningkatkan KDNK per kapita. Ini bermakna individu akan lebih produktif dalam menghasilkan produk berbanding menambahkan bilangan anak.

Ukpolo (2002), menyatakan di dalam kajiannya di mana terdapatnya kurang persefahaman berkenaan impak pertumbuhan populasi terhadap pertumbuhan ekonomi walaupun isu tersebut penting untuk membuat polisi terutamanya di negara-negara membangun. Kajian beliau memeriksakan kualiti di antara pertumbuhan populasi dan pertumbuhan ekonomi di Afrika menggunakan model Johansen dan Granger-causaliti. Keputusan kajian menunjukkan wujudnya hubungan jangka panjang di Nigeria tetapi tidak di Ivory Coast. Beliau mendapati bahawa terdapat hubungan negatif jangka panjang di antara kedua-dua pemboleh ubah di Nigeria iaitu pertumbuhan populasi memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi di dalam jangka panjang. Manakala di Ivory Coast pertumbuhan populasi menyebabkan pertumbuhan ekonomi untuk jangka pendek. Menurut beliau, pembuat dasar di Afrika tidak sepatutnya menggunakan polisi umum di dalam menghadapi pertumbuhan penduduk kerana pengaruhnya berbeza di antara negara. Mereka sepatutnya berdasarkan kajian spesifik sesebuah negara dan mencadangkan pertumbuhan penduduk yang mempunyai impak langsung terhadap taraf hidup rakyat.

Kajian Bum Andan Hoon Joon (2006), telah menjalankan ujian regresi antara negara dan non-parameter kernel menggunakan panel data dari negara-negara OECD (Organization for Economic Cooperation and Development) untuk tempoh 1960-2000 menunjukkan hubungan berbentuk 'U' terbalik di antara perubahan demografi dan pertumbuhan ekonomi. Kadar pertumbuhan pada mulanya meningkat dan kemudian menurun kerana umur populasi meningkat. Hasil kajian ini membolehkan mereka membuat anggaran yang lebih tepat tentang kesan umur terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang mula mengalami kesan populasi berumur. Selain itu, kepantasan perubahan demografi di dalam sesebuah negara harus di ambil perhatian. Kebanyakan negara menghadapi masalah demografi di mana lambakan populasi berusia berlaku dengan pantas antaranya negara Korea dan Jepun. Jepun telah menghadapi kemelesetan ekonomi akibat daripada masalah ini. Oleh itu, kajian yang lebih lanjut harus dijalankan bagi mengkaji kepantasan perubahan demografi ini seperti mengambil kira kadar kelahiran, kadar kesuburan dan mortaliti.

## METODOLOGI

Kajian ini bersumberkan data sekunder berbentuk siri masa yang di peroleh daripada pelbagai sumber terutamanya Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Statistik Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan pelbagai sumber lagi. Data-data yang digunakan melibatkan data siri masa bagi dua tahun terpilih iaitu

tahun 2005 dan tahun 2010 yang akan dikumpul dan di analisis menggunakan analisis *shift share*. Dalam usaha untuk melihat apakah populasi dan peranan kerajaan sebagai perangsang atau penyebab kepada pertumbuhan ekonomi wilayah ECER atau sebaliknya.

Shift share iadapat melihat keunikan ekonomi wilayah, tetapi ia melibatkan pertumbuhan pekerjaan daripada jumlah pekerjaan dalam industri. Industri dengan ke bersaingan wilayah yang tinggi dapat mengetahui kelebihan dan kekurangan saingan bagi sesuatu wilayah tersebut. Shift share tidak menunjukkan mengapa industri ini bersaing tetapi ia lebih menunjukkan sektor mana yang '*out-competing*' atau '*under-competing*' negara. Selain itu, shift share juga berguna dalam mengenal pasti sasaran pelaburan, maka pemegang saham tempatan boleh membantu industry wilayah yang bersaing ini untuk sama ada menyambung untuk '*outperform*' trend negara atau '*catch up*' dengan trend negara supaya ekonomi wilayah tidak ketinggalan dalam sektor tersebut. Penggunaan asas shift share ialah untuk mencegah interpretasi yang kurang tepat mengenai bilangan pertumbuhan pekerjaan. Selain itu shift share ialah satu cara untuk melihat kepada ke bersaingan bagi wilayah-wilayah, menyediakan gambaran bagaimana campuran wilayah bagi industri berfungsi atau berprestasi, menunjukkan bagaimana satu industri berfungsi atau dijalankan, menganalisis industri secara individu atau ekonomi keseluruhannya dan selalunya dilihat kepada guna tenaga atau pekerjaan dan boleh dipecahkan kepada 3 komponen iaitu 1) *national share*, 2) *industry mix* dan 3) *regional shift*.

Persamaan *shift share* :

$$\Delta E_{ir} = IM_{ir}^t + NS_{ir}^t + RS_{ir}^t$$

*National share* (NS) ialah pecahan kepada pertumbuhan guna tenaga bagi wilayah dan pertumbuhan bagi ekonomi. Jikaindustriwilayahbertumbuhpadakadarpertumbuhanindustrikeseluruhannya, apakahkeputusannya?

$$NS_{ir}^t = E_{ir}^{t-1} \times \left( \frac{E_M^t}{E_M^{t-1}} - 1 \right)$$

*Industry mix* (IM) ialahmenerangkanmengenaiberapa banyak pertumbuhan dapat merujuk kepada campuran industri bagi wilayah? Turutmenganggarberapabanyakpekerjaandapatdicipta/atautidakdiciptabagisetiap industry berwajarankepadaperbezaandalaminidustriidankadarpertumbuhankeseluruhannya.

$$IM_{ir}^t = E_{ir}^{t-1} \times \left[ \left( \frac{E_{i,M}^t}{E_{i,M}^{t-1}} \right) - \left( \frac{E_M^t}{E_M^{t-1}} \right) \right]$$

*Regional shift* (RS) pula mengupas kepada berapa banyak pekerjaan dapat dicipta/ atau tidak dicipta hasil daripada ke bersaingan bagi wilayah-wilayah? Antara komponen yang paling pentingialahmengenalpastiindustri yang pentingdankurangpenting.

$$RS_{ir}^t = E_{ir}^{t-1} \times \left[ \left( \frac{E_{ir}^t}{E_{ir}^{t-1}} \right) - \left( \frac{E_{i,M}^t}{E_{i,M}^{t-1}} \right) \right]$$

Di mana;

- $t$  =tempoh masa kini
- $i$  =spesifik industri
- $r$  =spesifik wilayah
- $t-1$  =tahun sebelumnya
- $M$  =Malaysia

Analisis shift share bagi kajian ini akan dikira mengikut  $r$  spesifik wilayah iaitu negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu yang merupakan negeri di bawah pembangunan wilayah timur (ECER).

## HASIL KAJIAN

Jadual 1.0 menunjukkan perbandingan hasil analisis shift share negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang dari tahun 2005 hingga 2010 bagi dua pemboleh ubah iaitu populasi dan peranan kerajaan. Bagi

bahagian Nasional Share (NS) pemboleh ubah populasi menunjukkan negeri Pahang paling tinggi menjana guna tenaga dan pertumbuhan ekonomi iaitu 4391921.425 dan paling kurang menjana guna tenaga dan pertumbuhan ekonomi ialah negeri Terengganu iaitu sebanyak 3894933.418 sahaja. Menunjukkan jurang perbezaan nilai Nasional Share (NS) antara dua negeri ini ialah sebanyak 496988.007. Manakala jika dilihat daripada hasil Industry Mix (IM), negeri Pahang mencatatkan nilai yang paling tinggi iaitu sebanyak 575359.6638. Ini bererti negeri Pahang mempunyai kelebihan dari segi populasi dalam menjana pertumbuhan guna tenaga dan pertumbuhan ekonominya berbanding negeri Terengganu yang mencatatkan nilai Industry Mix yang paling rendah iaitu 78372.08012. Dari segi hasil Regional Shift (RS) pula, ketiga-tiga negeri Terengganu, Pahang, dan Kelantan hampir mencatatkan nilai RS yang sama iaitu masing-masing 347329.3973, 347329.2714, dan 347329.7247. Ini menunjukkan bahawa populasi merupakan pemboleh ubah yang berdaya saing dalam menjana pertumbuhan guna tenaga dan pertumbuhan ekonomi bagi ketiga-tiga negeri tersebut. Bagi pemboleh ubah yang kedua iaitu peranan kerajaan, melihat dari sudut hasil Nasional Share (NS), negeri Terengganu mencatatkan nilai Nasional Share (NS) yang paling tinggi antara ketiga-tiga negeri iaitu sebanyak 619444.7099. Negeri yang mencatatkan nilai NS yang paling rendah ialah negeri Pahang iaitu sebanyak 615968.4267. Ini bererti, antara ketiga-tiga negeri ini, pemboleh ubah peranan kerajaan ini lebih kuat menjana tingkat guna tenaga dan pertumbuhan ekonomi di negeri Terengganu berbanding di negeri Kelantan dan Pahang pada tahun 2005-2010.

Bagi hasil nilai Industry Mix (IM) pula, sekali lagi Terengganu mencatatkan nilai IM yang paling tinggi berbanding Kelantan dan Pahang iaitu sebanyak 232114.8018. Manakala di Kelantan mencatatkan nilai IM sebanyak 229680.5831 dan negeri Pahang pulang mencatat nilai IM yang paling rendah iaitu sebanyak 228638.0958 bagi pemboleh ubah peranan kerajaan. Boleh di simpulkan bahawa peranan kerajaan di negeri Terengganu mempunyai kelebihan dalam menjana pertumbuhan guna tenaga dan pertumbuhan ekonomi negeri tersebut berbanding dengan negeri lain yang dikaji pada tahun 2005-2010.

Hasil Regional Shift (RS) pula menunjukkan bahawa negeri Pahang mencatatkan nilai RS yang paling tinggi antara ketiga-tiga negeri iaitu sebanyak 229975.1365 bagi pemboleh ubah peranan kerajaan. Nilai RS antara ketiga-tiga negeri ini tidak menunjukkan perbezaan yang ketara di mana di Kelantan mencatatkan nilai RS sebanyak 229973.6956 dan Terengganu pula sebanyak 229969.8497. Ini menunjukkan bahawa peranan kerajaan di negeri Pahang lebih berdaya saing berbanding negeri lain dalam menentukan pertumbuhan guna tenaga dan pertumbuhan ekonomi dari tahun 2005-2010.

Berdasarkan hasil kajian ini, dapat dilihat bahawa faktor peranan kerajaan dan populasi memberi impak kepada pertumbuhan bagi negeri-negeri di wilayah ECER. Melihat kepada kajian yang dilakukan oleh Fauzi Husin, Ku Adzam (2008), menyatakan bahawa perbelanjaan pembangunan negeri mempunyai hubungan korelasi yang signifikan terhadap pertumbuhan KDNK di negeri-negeri kurang maju terutamanya negeri Sarawak, Pahang dan Kedah. Manakala bagi ujian penyebab granger pula menunjukkan semua pemboleh ubah bebas membentuk hubungan sehalu dengan KDNK benar bagi kebanyakan negeri kurang maju.

Hanif (2008), di dalam kajian beliau menyatakan terdapat tiga faktor yang membawa kepada ketidakseimbangan wilayah iaitu, ciri-ciri fizikal, sosioekonomi dan sosiobudaya. Hasil daripada analisis korelasi ciri sosiobudaya menunjukkan ciri ini mempunyai hubungan dan pengaruh terhadap ketidakseimbangan pembangunan wilayah. Nilai pekali korelasi menunjukkan 0.959 (kadar migrasi), 0.582 (jumlah kelahiran), 0.829 (jumlah kematian). Kesemua aspek dalam ciri sosiobudaya ini menunjukkan wujud hubungan yang positif dan kuat dengan ketidakseimbangan pembangunan wilayah. Melihat pula hasil daripada analisis korelasi ciri fizikal menunjukkan ciri ini mempunyai hubungan dan pengaruh terhadap ketidakseimbangan pembangunan wilayah. Nilai pekali korelasi menunjukkan 0.965 (saiz penduduk), 0.966 (eksessibiliti sekolah menengah), 0.978 (eksessibiliti sekolah rendah) dan 0.904 (eksessibiliti hospital). Kesemua aspek dalam ciri fizikal ini menunjukkan wujud hubungan yang positif dan kuat dengan ketidakseimbangan pembangunan wilayah.

Bagi analisis regresi ciri fizikal, didapati nilai koefisien bagi wilayah maju lebih besar daripada nilai koefisien bagi wilayah kurang maju. Bagi wilayah maju, nilai koefisien saiz penduduk adalah 0.216 di mana perubahan 1 unit dalam saiz penduduk akan menyebabkan perubahan dalam KDNK per kapita sebanyak 0.216 unit. Manakala bagi wilayah kurang maju pula, nilai koefisien saiz penduduk adalah 0.142 di mana perubahan 1 unit dalam saiz penduduk akan menyebabkan tingkat KDNK per kapita berubah sebanyak 0.142. Di dapati, perubahan dalam KDNK per kapita wilayah maju adalah lebih besar berbanding wilayah kurang maju dan keadaan ini menggambarkan ketidakseimbangan yang wujud antara wilayah maju dan wilayah kurang maju. Pertambahan saiz penduduk di wilayah maju sentiasa lebih besar berbanding wilayah kurang maju. Seterusnya, bagi analisis regresi ciri sosiobudaya,

wilayah maju menunjukkan nilai koefisien yang lebih baik berbanding wilayah maju. Jumlah kelahiran yang tinggi di wilayah maju ditunjukkan oleh nilai koefisien 0.238 manakala bagi wilayah kurang maju menunjukkan nilai 0.013. Perubahan dalam jumlah kelahiran di wilayah maju adalah lebih besar berbanding wilayah kurang maju dan keadaan ini menyebabkan saiz penduduk di wilayah maju lebih ramai berbanding wilayah kurang maju. Begitu juga dengan jumlah kematian yang mana dapat menggambarkan keadaan ketidakseimbangan dalam pembangunan wilayah. Di mana jumlah kematian di wilayah maju adalah lebih kecil berbanding di wilayah kurang maju. Nilai koefisien bagi wilayah maju adalah 1.311 manakala bagi wilayah kurang maju nilai koefisiennya adalah 2.564. Keadaan ini berlaku kesandaripada kesedaran tahap kesihatan penduduk wilayah maju yang tinggi terhadap penjagaan kesihatan dan juga aksesibiliti terhadap kemudahan hospital yang lebih mudah. Namun keadaan sebaliknya bagi penduduk wilayah kurang maju yang manakesedaran terhadap penjagaan kesihatan tidak begitu tinggi dan ditambah dengan aksesibiliti terhadap kemudahan hospital yang sukar.

Daripada kedua-dua kajian ini jelas menunjukkan bahawa faktor peranan kerajaan dan populasi merupakan faktor penting dalam menyumbang pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan sesebuah wilayah supaya masalah ketidakseimbangan wilayah ini tidak akan terus wujud di masa kini yang jelas dunia sudah semakin maju.

## CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Dalam memastikan pertumbuhan dan pembangunan wilayah di Malaysia ini berjalan dengan baik dan lancar tanpa di ganggu dengan ketidakseimbangan, beberapa aspek serta dasar harus diberi penekanan dan perhatian. Strategi yang berkesan perlu distrukturkan dari peringkat akar umbi agar ia dapat dilaksanakan secara global. Melalui Rancangan Malaysia ke-10, dalam memastikan misi nasional kerajaan dapat dilaksanakan dengan jayanya, pembangunan dan pertumbuhan wilayah di Malaysia mestilah berjalan dengan seimbang. Keadaan ketidakseimbangan yang berlaku yang mana masih besar jurangnya harus di kecilkan.

Bagi menghapuskan punca ketidakseimbangan ini, usaha perlu ditumpukan kepada kumpulan sasaran sebenar dan menyediakan peluang yang mencukupi untuk membina kemajuan. Antara usaha yang harus di usahakan ialah, membasmi kemiskinan tegar menjelang 2015 di samping mengurangkan kemiskinan keseluruhan. Mengurangkan jurang penduduk luar bandar dengan bandar, antara negeri dan antara wilayah melalui penjana pendapatan yang mampan dan memperbaiki akses kepada keperluan asas seperti perumahan, pendidikan, kesihatan, utiliti dan pengangkutan. Memajukan wilayah kurang membangun menerusi pusat pembangunan wilayah seperti yang ada ketika ini iaitu ECER. Selain itu, jurang digital ataupun teknologi antara wilayah dapat di rapatkan supaya perubahan teknologi ini dapat dirasai bersama dan kemajuan dan inovasi dapat dilakukan bersama-sama. Menggalakkan peluang pekerjaan sama rata bagi mengurangkan integrasi di kalangan kumpulan etnik dan lain-lain lagi yang dapat meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan wilayah di ECER. Selain daripada itu, peruntukan dari kerajaan pusat dan negeri ke atas pembangunan wilayah harus ditingkatkan supaya projek dapat dilaksanakan bagi menjana pertumbuhan ekonomi wilayah. Pelaburan tempatan dan pelaburan asing juga harus sama rata di agihkan supaya pembangunan dapat di kecapai kesemua wilayah di Malaysia. Terdapat banyak lagi sumber-sumber ekonomi yang tidak dapat digunakan sepenuhnya akibat daripada ketidakseimbangan yang berlaku.

Salah satu kejayaan negara China, Jepun dan Korea dalam mengungguli ekonomi dunia adalah kerana modal manusianya yang cukup mampu menggunakan sumber ekonomi sepenuhnya dan secara tidak langsung menjadikan ekonomi mereka menjadi salah satu negara yang mempunyai kestabilan dan keunggulan ekonomi sebaris dengan negara barat yang lain seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat. Oleh itu, pihak kerajaan haruslah memandang kepada pelaburan modal manusia pada masa ini kerana ia merupakan komponen penting dalam pertumbuhan ekonomi negara mahupun wilayah. Faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakseimbangan pembangunan wilayah ini harus di teliti dengan baiknya dalam merangka strategi memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang seimbang. Faktor fizikal yang dicirikan kepada saiz penduduk dan juga aksesibiliti yang mudah terhadap kemudahan pendidikan, kesihatan, perluditelitidengan sebaiknya dalam usaha memastikan keseimbangan pembangunan dicapai. Kesamarataan elemen fizikal ini secara langsung dapat meningkatkan produktiviti dalam sesebuah wilayah di samping dapat melahirkan golongan yang berilmu serta berkemahiran tinggi dalam menggerakkan ekonomi sesebuah wilayah. Keadaan ini akan memastikan setiap wilayah bergerak secara seiring dan seimbang.

Elemen sosiobudaya yang dicirikan melalui tenaga buruh, guna tenaga, kadar pengangguran dan jumlah kemasukan pelaburan dapat diteliti dengan lebih dalam sebagai instrumen penggerak kepada ekonomi wilayah yang lebih seimbang dan stabil. Peningkatan dalam tenaga buruh dalam sesebuah wilayah secara langsung meningkatkan tingkat guna tenaga di wilayah tersebut. Keadaan ini memastikan ekonomi bergerak dan tumbuh dengan baik. Kadar pengangguran yang rendah juga dapat dicapai apabila ekonomi tumbuh dengan pesat. Ini kerana, ia akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan seterusnya dapat menggalakkan penduduk meningkatkan taraf hidup mereka. Kemasukan jumlah pelaburan kesemua wilayah juga harus diteliti dengan baik. Kesemua wilayah perlu lebih berdaya saing untuk memastikan jumlah kemasukan pelaburan ini mengalir masuk ke wilayah berkenaan. Insentif dan juga suasana mesra pelabur perlu dilaksanakan agar pelaburan ini terus kekal. Seterusnya ia akan terus memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi wilayah secara seimbang. Ciri sosiobudaya yang menggambarkan keadaan kelahiran, kematian dan kadar migrasi jelas merupakan antara elemen yang perlu ditekankan dalam pelaksanaan sesuatu dasar. Kesedaran penduduk terhadap perancangan kekeluargaan dapat memastikanimbangan sosiobudaya dalam keadaan yang baik. Keadaan ini akan dapat memastikan jumlah saiz penduduk sesebuah wilayah sekata dan seimbang. Begitu juga dengan kadar migrasi, di mana pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah wilayah ini telah membuka banyak peluang pekerjaan. Secara tak langsung ini dapat memastikan tiada lagi migrasi yang berlaku dari satu wilayah ke satu wilayah.

Secara keseluruhannya, dapat di lihat ketiga-tiga ciri yang telah di bincang dan di kaji ini perlu diperhalusi satu persatu dalam usaha memastikan keseimbangan pembangunan wilayah sentiasa stabil. Setiap perancangan dan penentuan dasar harus menitik beratkan elemen-elemen ini agar keadaan ketidakseimbangan pembangunan wilayah dapat dielakkan. Kesimpulannya, ketidakseimbangan pembangunan wilayah di Malaysia ini dapat dikurangkan menerusi pelan strategik yang telah di rangka oleh kerajaan. Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya keadaan ketidakseimbangan ini akan di kaji semula dan di beri penekanan penting dalam tujuan pembangunan wilayah. Usaha akan terus di ambil bagi meningkatkan sosioekonomi penduduk wilayah kurang maju serta meminimumkan jurang pembangunan antara wilayah maju dengan wilayah kurang maju. Antara isu dan cabaran yang dihadapi bagi mengurangkan jurang antara wilayah maju dengan wilayah kurang maju termasuklah jurang pendapatan yang semakin melebar, kadar kemiskinan di wilayah kurang maju yang tinggi, keperluan mengenal pasti golongan miskin dan miskin tegar di wilayah maju dan kurang maju, kekurangan peluang pekerjaan di wilayah kurang maju, jurang digital dan kurang penyelarasan serta terdapat pertindihan fungsi di kalangan agensi pembangunan wilayah kurang maju.

Justeru itu, langkah-langkah akan di ambil bagi mempercepat pembangunan wilayah kurang maju terutamanya di utara Semenanjung Malaysia, Koridor Pantai Timur, Sabah dan Sarawak bagi mencapai pembangunan yang seimbang dan mengurangkan jurang pembangunan. Usaha pembangunan akan ditumpukan di kawasan yang merentasi sempadan yang meliputi dua negeri atau lebih. Jika usaha kerajaan ini turut disokong dan dibantu oleh pihak swasta, maka perancangan pembangunan seimbang ini akan lebih mudah untuk dilaksanakan dan dijayakan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan objektif kajian ini, telah mengenal pasti akan komponen-komponen yang mempengaruhi pertumbuhan sesebuah wilayah di Malaysia. Peranan kerajaan amat penting dalam pertumbuhan ekonomi negara mahupun wilayah. Campur tangan kerajaan dalam menangani masalah ekonomi amat diperlukan bagi sebuah negara yang membangun. Dilihat daripada skop kajian ini, jelas wilayah kurang maju seperti ECER harus diberikan lebih perhatian oleh pihak kerajaan. Peranan kerajaan seperti perbelanjaan mengurus dan membangun haruslah diberikan lebih peruntukan kepada wilayah kurang maju berbanding wilayah maju. Ini kerana dapat dibuktikan di dalam kajian ini bahawa perbelanjaan mengurus dan membangun kerajaan dan negeri menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi bagi negeri tersebut.

Selain daripada itu, populasi juga memberi kan impak kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara mahupun negeri. Ini adalah kerana pertambahan populasi memberikan sesebuah negeri itu mempunyai jumlah guna tenaga yang mencukupi untuk menggunakan sumber yang ada untuk menjana ekonomi negeri masing. Di dalam hasil kajian ini juga menunjukkan populasi merupakan komponen yang berdaya saing dan berkelebihan dalam menjana guna tenaga dan pertumbuhan bagi negeri-negeri di bawah wilayah ECER. Terdapat juga komponen-komponen lain yang menyumbang kepada pertumbuhan sesebuah wilayah seperti, kadar penyertaan buruh, kadar umur aktiviti buruh, pengangguran dan produktiviti seperti yang di utarakan oleh Speiz dan Weiler (2007). Komponen-komponen ini mempunyai rantaian hubungan yang saling berkaitan antara satu sama lain. Oleh

itu, pembuat dasar harus memandang kepada komponen-komponen ini supaya pertumbuhan wilayah dapat ditingkatkan dan jurang ketidakseimbangan antara wilayah dapat di kecilkan.

## RUJUKAN

- Balasubramanyam, V. N., Salisu, M., & Sapsford, D. 1999. Foreign direct investment as engine of growth. *The Journal of International Trade & Economic Development* 8(1): 27-40.
- Barro, R. J. 1986. Productivity growth, convergence and welfare: what the long-run data show. *American Economic Review* 76: 1072-1085.
2000. Inequality and growth in a panel of countries. *Journal of Economic Growth* 5(1): 87-120.
- Borensztein, E., Gregorio, J. D., & Lee, J.-W. 1998. "How does foreign direct investment affect economic growth?" *Journal of International Economics* 45: 115-135.
- Chamhuri Siwar, & Surtahman Kastin Hasan. 1985. *Ekonomi Malaysia* (edisi kedua). Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Dickey, D., & Fuller, W. A. 1979. Distribution of the estimators for autoregressive time series with a unit root. *Journal of the American Statistical Association* 74: 427-431.
1981. The likelihood ratio statistics for autoregressive time series with a unit root. *Econometrica* 49:1057-1072.
- Fan, X., & Dickie, P. M. 2000. The contribution of foreign direct investment to growth and stability: A post-crisis ASEAN-5 review. *ASEAN Economic Bulletin* 13(3): 312-323.
- Fuller, W. A. 1976. *Introduction to Statistical Time Series*. New York: Wiley.
- Fu, X. 2004. Limited linkages from growth engines and regional disparities in China. *Journal of Comparative Economics* 32: 148-164.
- Ghali, K. H. 1998. Government size and economic growth: evidence from multivariate cointegration analysis. *Applied Economics* 31: 975-987.
- Glaeser, E. L., Sheinkman, J. A., & Shleifer, A. 1995. Economic growth in a cross section of cities. *Journal of Monetary Economics* 36: 117-143.
- Glaeser, E. L., & Shapiro, J. 2001. Decentralized employment and the transformation of the American city. NBER Working Paper 8117.
- Gujarati, D. N., & Sangeetha. 2007. *Basic Econometrics* (edisi keempat). New Delhi: Tata McGrawHil Company Limited.
- Heij, C., et al. 2004. *Econometrics Methods with Applications in Business and Economics*. New York: Oxford University Press.
- Johansen, S. 1988. Statistical Analysis of Cointegration Vectors. *Journal of Economic Dynamics and Control* 12: 231-254.
- Johansen, S., & Juselius, K. 1990. Maximum likelihood estimation and inference on cointegration with application for demand for money. *Oxford Bulletin of Economics and Statistics* 52: 169-210.
- Jomo, K. S., & Kiong, W. H. 2001. *The Impact of Foreign Capital Inflows On The Malaysian Economy*: FEA Working Paper No. 2001-02.
- Kormendi, R. C., & Meguire, P. G. 1985. Macroeconomic determinants of growth: Cross-country evidence. *Journal of Monetary Economics* 16: 141-163.
- Li, X., & Liu, X. 2005. Foreign direct investment and economic growth: An increasingly endogenous relationship. *World Development* 33(3): 393-407.
- Lin, S., & Song, S. 2002. Urban economic growth in China: Theory and evidence. *Urban Studies* 39(12): 2251-2266.
- Loizides, J., & Vamvoukas, G. 2005. Government expenditure and economic growth: Evidence from trivariate causality testing. *Journal of Applied Economics* VIII(1): 125-152.
- MacKinnon, J. G. 1991. Critical values of cointegration test. Dalam R. F. Engle & C. W. J. Granger (Eds.), *Long-run economic relationships: reading in cointegration*: Oxford University Press.
- Mankiw, N. G., Romer, D., & Weil, D. N. 1992. A contribution to the empirics of economic growth. *The Quarterly Journal of Economics* 107(2): 407-437.
- Murray, M. P. 2006. *Econometrics: A Modern Introduction*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Nazmi, N., & Ramirez, M. D. 1997. Public and Private Investment and Economic Growth in Mexico. *Contemporary Economic Policy* 15(1): 65-75.
- Phillips, P., & Perron, P. 1988. Testing for a Unit Root in Time Series Regression. *Biometrika* 75: 335-346.
- Schmidt, S. J. 2000. *Econometrics*. Boston: MacGraw-Hill.
- Zairon Othman. 1996. *Ekonomi Malaysia*. Shah Alam: BIROTEKS Institut Teknologi Mara.



Zhang, K. H. 2001. How does foreign direct investment affect economic growth in China? *Economics of Transition* 9(3): 679-693.

JADUAL1.0: Perbandingan Hasil Analisis Shift Share Negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang Dari Tahun 2005 Hingga 2010

NEGERI	NASIONAL SHARE (NS)	INDUSTRY MIX (IM)	REGIONAL SHIFT (RS)	SHIFT -SHARE (SS)
<b>TERENGGANU</b>				
<b>POPULASI</b>	3894933.418	78372.08012	347329.3973	<b>4320634.895</b>
<b>PERANAN KERAJAAN</b>	619444.7099	232114.8018	229969.8497	<b>1081529.361</b>
<b>KELANTAN</b>				
<b>POPULASI</b>	4151933.574	335372.0573	347329.2714	<b>4834634.903</b>
<b>PERANAN KERAJAAN</b>	617010.6698	229680.5831	229973.6956	<b>1076664.949</b>
<b>PAHANG</b>				
<b>POPULASI</b>	4391921.425	575359.6638	347329.7247	<b>5314610.814</b>
<b>PERANAN KERAJAAN</b>	615968.4267	228638.0958	229975.1365	<b>1074581.659</b>